

17 JUL 2000

SULTAN JOHOR BERJAYA JALANI PEMBEDAHAN KECIL KELENJAR PROSTAT

JOHOR BAHRU, 17 Julai (Bernama) -- Pembedahan kecil kelenjar prostat yang dilakukan ke atas Sultan Johor pada Mei lepas telah disahkan berjaya, demikian menurut kenyataan rasmi Jumaah Majlis Diraja Johor hari ini.

Menurut kenyataan itu, baginda hanya perlu menjalani beberapa pemeriksaan untuk tujuan kesihatan keseluruhan.

"Baginda Tuanku mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang telah bersama-sama memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Baginda sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan sejahtera," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu Sultan Johor dimasukkan ke Hospital Pakar Puteri di sini pada 8 Jun lepas untuk pemeriksaan semula selepas pembedahan kecil pada Mei lepas.

Antara pembesar yang telah melawat baginda semasa menerima rawatan di Hospital Pakar Puteri ialah Sultan Brunei, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA

MKO LAT